

09 SEP 2002

Rais-Akta

KERTAS KABINET AKTA PERLINDUNGAN SAKSI HUJUNG TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Kertas kabinet berhubung cadangan mewujudkan Akta Perlindungan Saksi dijangka dibentangkan kepada kabinet pada penghujung tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini.

Beliau berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengemukakan kepada Jabatan Peguam Negara beberapa dokumen awalan, manakala Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang yang dipengerusikan olehnya turut menerima beberapa cadangan mengenai perkara itu.

"Perbincangan sedang berjalan baik..saya jangka dikemukakan hujung tahun ini setelah menerima teguran dan laporan daripada pihak berkaitan," katanya kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan pada Persidangan Hak Asasi Manusia dan Pendidikan di sini.

Dr Rais berkata akta itu penting kerana adanya kecenderungan sekarang apabila -saksi penting dan harta benda terpaksa terdedah kepada pelbagai ancaman.

"Oleh itu, patut kerajaan adakan sistem pentadbiran undang-undang menentukan had-had tertentu supaya saksi dan harta benda selamat dari bahaya atau keadaan di luar dugaan," katanya.

Mengenai kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) seperti yang disyorkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Dr Rais berkata apa-apa pandangan mengenai ISA harus diterima dengan perasaan terbuka.

"Kita harus adil untuk menilai pendapat mereka, sama ada kerajaan akan bersetuju kesemua atau sebahagian atau sebaliknya belum pasti lagi," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya Pengerusi Suhakam Tan Sri Abu Talib Othman berkata suruhanjaya itu sedang bekerjasama dengan pentadbir pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan dan polis dalam meninjau cara untuk menyepadukan hak asasi ke dalam kurikulum formal sekolah dan latihan anggota polis.

"Ini bagi memastikan penggalakkan dan perlindungan hak asasi manusia dibangunkan secara konsisten melalui pendidikan sekolah formal, dasar latihan dan prosedur," katanya.

-- BERNAMA

RV HK RON